

**MARKAH PENUH: 100 MARKAH**  
**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 6 markah

Soalan 5: 4 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata majmuk** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata sendi nama tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata **majmuk** telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. **Kata majmuk** salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada perkataan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. **Kata majmuk** yang ditambah, digugurkan atau ditukarkan imbuhan, berikan 0 markah.
8. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

**Soalan 1- Morfologi**

Kata Majmuk:

- 1) kerjasama
- 2) rumah tangga
- 3) tanggungjawab
- 4) bersatu hati
- 5) berganding bahu

## Soalan 2:

|                                                                                              |          |
|----------------------------------------------------------------------------------------------|----------|
| (i) Pokok kenaf mampu menghasilkan gentian berkualiti dalam sektor pembuatan.                | 1 markah |
| (ii) Pokok kenaf <u>boleh</u> dijadikan sumber makanan haiwan.                               | 1 markah |
| (iii) <u>Potensi tanaman kenaf di negara ini terbukti.</u>                                   | 1 markah |
| (iv) <u>Gentian menerima permintaan tinggi dari China, iaitu sebanyak 200 tan sebulan.</u>   | 1 markah |
| (v) Gentian kenaf juga mendapat perhatian dari negara jiran seperti Thailand.                | 1 markah |
| (vi) <u>Gentian kenaf digunakan dalam industri automotif terutamanya produk cepak tenaga</u> | 1 markah |

**Soalan 3 - Penyuntingan**  
**Bahan 1**

| <b>Kesalahan</b> | <b>Pembetulan</b>              |
|------------------|--------------------------------|
| di kalangan      | dalam kalangan (KSN)           |
| diisytiharkan    | Diisytiharkan (EJAAN)          |
| menyakiti        | menjangkiti                    |
| Siapa            | sesiapa / siapa-siapa (BAHASA) |
| merekod          | Merekodkan (IMBUHAN)           |
| rabies virus     | virus rabies (HUKUM DM)        |

[Maksimum : 5 markah]

## Bahan 2

| <b>Kesalahan</b>     | <b>Pembetulan</b>             |
|----------------------|-------------------------------|
| pelbagai punca-punca | Pelbagai punca (UNSUR LEWAH)  |
| lenyap               | hilang (ISTILAH)              |
| pesakit alami        | dialami oleh pesakit (BAHASA) |
| identity             | Identity (EJAAN)              |
| mengembang           | Berkembang (IMBUHAN)          |
| lama kelamaan        | lama-kelamaan (TANDA BACA)    |
| baru                 | Baharu (ISTILAH)              |

[Lihat halaman sebelah]  
**SULIT**

**Panduan Pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4**

| DESKRIPSI                                                      | Markah |
|----------------------------------------------------------------|--------|
| Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis       | 6      |
| Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis | 4      |
| Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis             |        |
| Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis      | 3      |
| Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis       | 1      |
| Ayat disalin bulat-bulat                                       | 0      |
| Isi tidak mengikut urutan                                      | 0      |

**Soalan 4- Bahasa Melayu Standard**

Dia pun sampai ke istana. Apabila dia mendengar bunyi yang amat kuat, lalu dia menghampirinya; dia melihat senjata dan kayu pukul-memukul, tikam-menikam dan radak-meradak.

Kertala Sari berasa hairan dan berfikir dalam hatinya, “hikmat ini bukan hikmat Melayu tetapi hikmat perajurit Jawa yang bijaksana/hebat.” Lalu diambil sebatang kayu dan disarungkannya. Kemudian dipukul oleh kayu hikmat Laksamana terlalu kuat bunyinya.

**Soalan 5 - Peribahasa**

**Peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan**

- (i) Usaha tangga kejayaan / Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.
- (ii) Serampang dua mata /sambil menyelam minum air / berlayar sambil memapan / berkayuh sambil bertimba / sambil berdiang nasi masak
- (iii) Bagai aur dengan tebing/berat sama dipikul ringan sama dijinjing/ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni/muafakat membawa berkat
- (iv) ringan tulang

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

**Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripadamarkah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman****1. Soalan 2 markah : Pemahaman teks dan novel**

| DESKRIPSI                                                          | MARKAH |
|--------------------------------------------------------------------|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis       | 2      |
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis | 1      |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup                           |        |
| - Jawapan salah                                                    | 0      |

**2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

| DESKRIPSI                                                                                         | MARKAH |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| - Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.               | 3      |
| - Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis. | 2      |
| - Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis                          |        |
| - Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan                                    | 1      |
| - Jawapan salah                                                                                   | 0      |

**3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel**

| DESKRIPSI                                                                | MARKAH |
|--------------------------------------------------------------------------|--------|
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis               | 4      |
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis | 3      |
| - Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat gramatis                         |        |
| - Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis           | 2      |
| - Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat gramatis                         |        |
| - Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis           | 1      |
| - Jawapan salah                                                          | 0      |

**SOALAN 6 : PETIKAN UMUM****i) Maksud rangkai kata *memberikan impak* :**

- |                                                |   |
|------------------------------------------------|---|
| - membawa/mendatangkan kesan/ akibat/implikasi | 2 |
| - <i>memberikan</i> kesan /akibat/implikasi    | 1 |
| - membawa/mendatangkan <i>impak</i>            | 1 |

**ii ) Dua nilai murni yang berkait rapat dengan integriti dalam Bahan 1 dan Bahan 3:**

- |                  |   |
|------------------|---|
| <b>Bahan 1:</b>  | 1 |
| P1 Jujur         | 1 |
| P2 amanah        | 1 |
| <b>Bahan 3:</b>  | 1 |
| P3 Tanggungjawab | 1 |
| P4 Ketelusan     |   |

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

**iii) Punca-punca yang menyebabkan masyarakat pada hari ini tidak berintegriti:**

- |                                                |   |
|------------------------------------------------|---|
| P1 sikap tamak dan ego.                        | 1 |
| P2 kurang didikan agama dan nilai-nilai murni. | 1 |
| P3 tiada laporan daripada masyarakat           | 1 |
| P4 desakan hidup / masalah kewangan            | 1 |
| P5 gaya hidup mewah                            | 1 |

**\* jawapan-jawapan lain yang relevan diterima**

[Maksimum : 3 markah]

[isi cukup : 2 isi]

**iv) Tindakan yang sewajarnya anda lakukan:**

- |                                                               |   |
|---------------------------------------------------------------|---|
| P1 Melaporkan kepada guru                                     | 1 |
| P2 Menegur / menasihati secara berhemah                       | 1 |
| P3 Memaklumkan kepada ibu bapa mereka                         | 1 |
| P4 Membawa mereka mendapatkan khidmat nasihat guru kaunseling | 1 |

**\* jawapan-jawapan lain yang relevan diterima**

[Maksimum : 4 markah]

[isi cukup : 3 isi]

**Join SPM Study Group**  
<https://spmpaper.me/group>



[Lihat halaman sebelah]

SULIT

**SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA**

- (i) Maksud rangkai kata ***menaruh perhatian*** [2 markah]
- Memberi/ meletakkan fokus/tumpuan 2
  - Memberi/meletakkan *perhatian* 1
  - *Menaruh* fokus/tumpuan 1
- (ii) Berdasarkan **semua bahan, perkara-perkara penting untuk menjadi seorang atlet sukan yang berjaya:**

**Bahan 1:**

- P1 Mesti ada semangat yang tinggi 1
- P2 Tahap kecergasan mestilah berada dalam tahap yang tinggi 1

**Bahan 2:**

- P3 Perlu menjaga pemakanan sihat 1
- P4 Atlet yang baik tidak mudah angkuh 1

**Bahan 3**

- P6 Selalu mencari ilmu tentang sukan 1

**[Maksimum : 4 markah]****[isi cukup : 3 isi]**

- (iii) **Faedah-faedah bersukan kepada murid-murid:**

- P1 Menyihatkan tubuh badan 1
- P2 Mengisi masa lapang dengan cara yang bermanfaat 1
- P3 Mencungkil bakat murid 1
- P4 Memupuk perpaduan / mengeratkan hubungan dalam kalangan murid 1
- P5 Meningkatkan disiplin murid 1

**\* jawapan-jawapan lain yang relevan diterima****[Maksimum : 4 markah]****[isi cukup : 3 isi]**

- (vii) **Usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya golongan muda berminat untuk menyertai sukan lasak.**

**\* setiap jawapan menjurus kepada sukan lasak sahaja.**

- P1 Hebahan/kempen/ ceramah tentang sukan lasak 1
- P2 Kolaboratif di peringkat sekolah/ persatuan/kelab 1
- P3 Pertandingan/ganjaran bertema sukan lasak 1
- P4 Menerbitkan bahan bacaan tentang sukan lasak 1
- P5 Mewujudkan galeri sukan lasak / festival/ pameran tentang sukan lasak 1
- P6 Kursus / bengkel kemahiran sukan lasak 1

**\* jawapan-jawapan lain yang relevan diterima****[Maksimum : 3 markah]****[isi cukup : 2 isi]****Soalan 8****[Lihat halaman sebelah]**

**Panduan Pemarkahan bagi Soalan 8 (i)**

- (a) Jika calon menyalin keseluruhan petikan tanpa pangkal ayat, berikan 0 markah.
- (b) Jika calon menyalin keseluruhan petikan dengan menulis pangkal ayat, berikan separuh (50 %) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
- (c) Jika calon menyalin isi secara terpilih dan tiada pangkal ayat, periksa seperti biasa. (rujuk deskripsi pemarkahan)

**Soalan 8****(i) Kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampung tersebut.**

- P1 Lampu kuning juga dipasang berselang tiga tiang elektrik
- P2 Jalannya sudah diturap malah rasanya jauh lebih baik daripada sesetengah tempat
- P3 Lengkap dengan sekolah, balai raya dan klinik desa
- P4 Ada pula sebuah bangunan yang dijadikan pusat komoditi pertanian

**[4 markah]**  
**[Isi cukup : 3 isi]**

**Panduan Pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)**

- (a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa / huraian / contoh yang jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
  - Baik ; 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]

**8 (ii) Dua peristiwa yang meninggalkan kesan di hati pembaca.**

| Peristiwa                                                                                                                                                                    | Huraian                                                                                                                                                                                                   |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Peristiwa Medina/Merilyn bimbang anaknya akan mati akibat uji kaji dan penanaman pelbagai implan ke dalam tubuh Farisha oleh Karl.                                           | Peristiwa ini meninggalkan kesan di hati pembaca kerana hubungan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya yang risau akan keselamatan dan kesihatan anaknya.                                             |
| Peristiwa Medin/Merilyn menyerahkan Farisha kepada keluarga angkat kerana bimbang akan keselamatan anaknya yang menjadi bahan uji kaji suaminya Karl.                        | Peristiwa ini meninggalkan kesan di hati pembaca kerana seorang ibu yang bimbang terhadap keselamatan anaknya dan sanggup menyerahkan anaknya kepada keluarga angkat demi keselamatan anaknya.            |
| Peristiwa Azraai memasang retinal scanner dan <i>intercom</i> di rumah Farisha demi menjamin keselamatan adiknya .                                                           | Peristiwa ini meninggalkan kesan di hati pembaca kerana seorang abang yang sangat mementingkan keselamatan adiknya dan memasang retinal scanner di rumah adiknya.                                         |
| Peristiwa keluarga Azraai menerima Farisha sebagai anak angkat dengan memberikan sepenuh kasih sayang dan mendidik Farisha menjadi seorang muslim                            | Peristiwa ini meninggalkan kesan di hati pembaca kerana seorang abang sentiasa menyayangi adik angkatnya walaupun bukan keluarga kandung.                                                                 |
| Peristiwa penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama menjayakan majlis sambutan Hari Kemerdekaan peringkat mukim dan persediaan menyambut kedatangan Yang Berhormat.          | Peristiwa ini meninggalkan kesan di hati pembaca kerana sikap kerjasama yang diamalkan dalam kehidupan penduduk kampung.                                                                                  |
| Cikgu Amirulnizam masih aktif melakukan aktiviti-aktiviti di kampungnya seperti latihan kompong walaupun kesihatan dirinya semakin merosot.                                  | Peristiwa ini meninggalkan kesan di hati pembaca kerana kesakitan yang dialami bukannya penghalang untuk diri seseorang melakukan sesuatu perkara demi memajukan anak-anak bangsa.                        |
| Abdullah bin Kayan telah menulis sebuah manuskrip yang mengandungi perjalanan kehidupannya dan meminta See Hwa menyerahkan manuskrip itu kepada anaknya yang bernama Haiqal. | Peristiwa ini meninggalkan kesan di hati pembaca kerana keperitan yang dihadapi seorang bapa dengan tabah dan dapat diluahkan melalui sebuah penulisan manuskrip untuk diserahkan kepada anak kandungnya. |

**Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai**

**PANDUAN PENSKORAN BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
**[ 30 markah ]**

**Soalan 9**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada

- a) Isi - **20 markah**  
 b) Bahasa - **10 markah**

**a) Isi [20 markah]****Nota :**

Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja

| Bahagian                                          | Bilangan<br>an Isi | Bilangan Isi Diterima |   |   |   |   |   |  |  |  | Markah<br>Maksimum |
|---------------------------------------------------|--------------------|-----------------------|---|---|---|---|---|--|--|--|--------------------|
| <b>(i) Pendahuluan</b>                            |                    |                       |   |   |   |   |   |  |  |  | <b>2</b>           |
| <b>(ii) Isi Bahan 1</b>                           |                    |                       |   |   |   |   |   |  |  |  |                    |
| Fokus 1<br>(kepentingan/kelebihan/faedah/manfaat) | 4                  | 4                     | 3 | 2 | 2 | 3 | 4 |  |  |  | <b>16</b>          |
| Fokus 2 (langkah/cara-cara/usaha-usaha)           | 3                  | 1                     | 2 | 3 | 2 | 2 | 2 |  |  |  |                    |
| <b>(iii) Isi Bahan 2</b>                          |                    |                       |   |   |   |   |   |  |  |  |                    |
| Fokus 2 (langkah/cara-cara/usaha-usaha)           | 2                  | 2                     | 2 | 2 | 2 | 2 | 1 |  |  |  |                    |
| <b>(iv) Isi Bahan 3</b>                           |                    |                       |   |   |   |   |   |  |  |  |                    |
| Fokus 3<br>(kepentingan/kelebihan/faedah/manfaat) | 2                  | 2                     | 1 | 1 | 2 | 1 | 1 |  |  |  |                    |
| Jumlah Isi                                        | 11                 | 8                     | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 |  |  |  |                    |
| <b>(v) Penutup / Kesimpulan</b>                   |                    |                       |   |   |   |   |   |  |  |  | <b>2</b>           |
| <b>JUMLAH</b>                                     |                    |                       |   |   |   |   |   |  |  |  |                    |

**b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

[Lihat halaman sebelah]  
**SULIT**

| PERINGKAT        | MARKAH BAHASA | HURAIAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|------------------|---------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Cemerlang</b> | <b>8 – 10</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan ayat <b>sangat</b> baik</li> <li>- Bahasa <b>sangat</b> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>- Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>- Pengolahan <b>sangat</b> menarik dan berkesan</li> </ul>               |
| <b>Baik</b>      | <b>5- 7</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan ayat <b>masih</b> baik</li> <li>- Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>- Penggunaan kosa kata <b>masih</b> luas dan tepat</li> <li>- Pengolahan <b>masih</b> menarik dan berkesan</li> </ul>     |
| <b>Sederhana</b> | <b>3 – 4</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan ayat <b>kurang</b> baik</li> <li>- Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>- Penggunaan kosa kata <b>kurang</b> luas dan tepat</li> <li>- Pengolahan <b>kurang</b> menarik dan berkesan</li> </ul> |
| <b>Lemah</b>     | <b>1 – 2</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                        |

**Nota:**

- Jika menjawab dalam **bentuk poin /fakta markah** bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (Rujuk jadual).
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah dinilai seperti biasa.

[ Markah **maksimum: 10 markah**]**MAKLUMAN TAMBAHAN: Pendahuluan + Isi + Kesimpulan = (Termasuk Markah Isi)****BAHAGIAN C: RUMUSAN****[30 markah]****PENDAHULUAN**

1. Rumusan membincangkan langkah/cara-cara/usaha-usaha mengekalkan teknologi hijau dan kepentingan/kelebihan/faedah/manfaat teknologi hijau.( 2 m)
2. Rumusan membincangkan langkah/cara-cara/usaha-usaha mengekalkan teknologi hijau (1 m)
3. Rumusan membincangkan kepentingan/kelebihan/faedah teknologi hijau.(1 m)

| <b>FOKUS 1 (BAHAN 1) : KEPENTINGAN TEKNOLOGI HIJAU</b>            |                                                                                                                                      |
|-------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| A1                                                                | kemampuannya untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.                                                                             |
| A2                                                                | mampu meningkatkan tahap kesihatan dan kehidupan manusia.                                                                            |
| A3                                                                | mengurangkan pergantungan kepada sumber tenaga fosil.                                                                                |
| A4                                                                | kos operasi yang rendah daripada kemudahan kuasa konvensional.                                                                       |
| <b>FOKUS 2 (BAHAN 1): USAHA UNTUK MENGEKALKAN TEKNOLOGI HIJAU</b> |                                                                                                                                      |
| B1                                                                | kerajaan telah mewujudkan sistem pengangkutan baharu tanpa bahan bakar                                                               |
| B2                                                                | pihak kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai kempen dari semasa ke semasa                                                         |
| B3                                                                | Jabatan Alam Sekitar tidak ketinggalan menyambut baik usaha kerajaan dengan menganjurkan Program Sekolah Bestari dan Bandar Lestari. |
| <b>FOKUS 2 (BAHAN 2): USAHA UNTUK MENGEKALKAN TEKNOLOGI HIJAU</b> |                                                                                                                                      |
| C1                                                                | memperkasakan undang-undang                                                                                                          |
| C2                                                                | Membangunkan teknologi hijau                                                                                                         |
| <b>FOKUS 1 (BAHAN 3: KEPENTINGAN TEKNOLOGI HIJAU</b>              |                                                                                                                                      |
| D1                                                                | meningkatkan dan melindungi ekosistem serta kepelbagaian hidup                                                                       |
| D2                                                                | meningkatkan pembangunan ekonomi                                                                                                     |

### KESIMPULAN:

Kesimpulannya teknologi hijau perlulah digalakkan agar kualiti hidup manusia terjaga. (2m)

### Nota:

- (i) Jika calon menulis pendahuluan 3 fokus, \*berikan 1 atau 0 markah.
- (ii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (iii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (iv) Kesimpulan hanya merujuk kepada teknologi hijau.